

# **PERSEPSI EDITOR MELAYU TERHADAP PENGAMAL PERHUBUNGAN AWAM DI MALAYSIA**

## **(MALAY EDITORS' PERCEPTION ON PUBLIC RELATIONS PRACTITIONERS IN MALAYSIA)**

Mohd Yahya Mohamed Ariffin  
Md Sidin Ahmad Ishak

### **Abstrak**

Perhubungan media merupakan aspek yang penting dalam strategi komunikasi sesebuah organisasi. Dengan demikian, amat kritikal bagi pengamal perhubungan awam untuk membina hubungan yang berkesan dengan personaliti media. Kajian ini berfokus pada amalan perhubungan media di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada persepsi editor Melayu terhadap pengamal perhubungan awam. Kaedah temubual mendalam dilaksanakan untuk mengkaji pendapat para editor Melayu dua organisasi media, iaitu *Berita Harian* dan *TV3* mengenai persepsi mereka terhadap pengamal perhubungan awam. Hasil kajian menunjukkan para editor Melayu mempunyai persepsi bahawa pada umumnya pengamal perhubungan media menjalankan tugas secara bijaksana, jujur, boleh dipercayai, beretika, baik serta adil. Namun begitu, pengamal yang kurang berpengalaman dan pengamal yang bukan perunding ditanggap secara kurang positif. Kajian ini memperlihatkan bahawa persepsi editor Melayu cenderung untuk mempengaruhi perhubungan media dan hubungan baik perlu dimantapkan supaya pengamal perhubungan awam dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

## *Abstract*

*Media relation is an important aspect in organizational communication strategy. Thus, it is highly critical for public relations practitioners to build an effective relationship with media personalities. This study is focusing on media relations practices in Malaysia with the attention to Malay editors' perception on public relations practitioners. In-depth interviews are conducted to study the opinions of Malays editors from two media organizations namely Berita Harian and TV3 on public relation practitioners. This study has found that public relations practitioners are generally viewed by the Malays editors as intelligent, honest, trustworthy, ethical, virtuous and fair sources. However, the less experienced practitioners as well as the non-consultant are perceived less positively. The study asserts that the Malay editors' perception influences media relations and that good relationship needs to be strengthened for more efficient public relations undertaking.*

## **Pengenalan**

Pelbagai pendapat dan kritikan telah kemukakan oleh para sarjana dalam bidang perhubungan awam dan kewartawanan tentang perhubungan media yang wujud antara pengamal perhubungan awam dan wartawan khususnya editor media massa. Pada masa yang sama bukti-bukti saintifik telah dikemukakan oleh para pengkaji melalui kajian mereka tentang isu perhubungan media yang wujud antara pengamal perhubungan awam dengan para editor. Banyak kajian mengesahkan bahawa perhubungan antara pengamal dengan wartawan adalah sebagai perhubungan sumber-wartawan dan mengesahkan pengaruh perhubungan awam terhadap berita. Selain itu, banyak kajian secara signifikan telah membuktikan bahawa wujud persepsi negatif para editor terhadap pengamal perhubungan awam.

Sejarah membuktikan bahawa perhubungan media yang wujud antara pengamal perhubungan awam profesional dengan pihak wartawan dilihat berlawanan (*adversary*) tetapi perasaan dan sikap negatif ini lebih berpihak kepada wartawan (Bobbitt dan Sullivan 2005). Menurut mereka walaupun terdapat pengamal perhubungan awam profesional tidak menyukai dan tidak mempercayai wartawan, tetapi perlakuan begini lebih berpihak kepada wartawan yang tidak menyukai dan tidak

mempercayai pengamal perhubungan awam profesional. Giber dan Johnson (1961) melihat perhubungan antara pengamal perhubungan awam dan wartawan sebagai saling bergantung antara sumber dan media massa. Tanggapan peranan saling bergantung ini turut dibincangkan oleh Cutlip, Center dan Broom (2006). Cameron, Sallot dan Curtin (1997) juga telah mencadangkan bahawa perhubungan antara pengamal dan wartawan adalah sebagai sumber dan penerima informasi. Sementara Wilcox dan Cameron (2006) berpendapat editor dan wartawan, dengan pengamal perhubungan awam saling memerlukan antara satu sama lain. Pihak media mesti mendapatkan bahan dan idea daripada sumber-sumber perhubungan awam, dan pengamal perhubungan awam pula memerlukan media sebagai wadah untuk memberitahu berita mereka kepada publik.

Menurut Shoemaker dan Reese (1991) sumber (pengamal perhubungan awam) merupakan pembekal bahan mentah luar sama ada melibatkan bahan ucapan, wawancara, laporan korporat atau penjelasan pihak kerajaan. Sumber mempunyai kesan yang mengagumkan terhadap kandungan media massa kerana wartawan tidak mampu membuat rumusan dalam bahan berita mereka mengenai perkara yang mereka tidak mengetahui. Menurut Gandy (1982) pula, pengamal perhubungan awam berkhidmat sebagai salah satu sumber berita yang paling berpengaruh melalui keupayaan mereka mensubsidi atau mengawal informasi kepada wartawan.

Dapatan para sarjana seperti Aronoff (1975); Jeffer (1977); Kopenhaver, Martison dan Ryan (1984); Stegall dan Sanders (1986); Weaver dan Wilhoit (1986); Pincus *et al.* (1993); Bobbitt dan Sullivan (2005); Cutlip *et al.* (2006) yang membuat kajian berkaitan isu ini mengukuhkan tanggapan yang telah dibentuk sejak dahulu lagi iaitu perhubungan tradisi yang bertentangan (*traditional adversarial*) antara wartawan dan pengamal perhubungan awam yang profesional masih wujud. Mereka berpendapat, secara realiti hubungan kerja antara profesion perhubungan awam dan wartawan menunjukkan ketidakpercayaan antara kedua belah pihak. Banyak tindakan pengamal perhubungan awam yang boleh menimbulkan salah faham wartawan terhadap mereka dan mungkin mengundang persepsi negatif wartawan terhadap pengamal perhubungan awam.

Kajian ini bertujuan melihat persepsi editor Melayu media massa terhadap pengamal perhubungan awam dalam konteks perhubungan media di negara ini. Persepsi editor Melayu yang dikaji melibatkan faktor bijaksana, jujur, dipercayai, beretika, baik dan adil yang dimiliki pengamal semasa menjalankan tugas perhubungan media. Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis serta melibatkan dua peringkat prosedur pemilihan. Peringkat pertama ialah pemilihan agensi media massa cetak dan elektronik utama yang terletak di Kuala Lumpur. Pada peringkat ini, populasi media dibahagikan kepada dua lapis, iaitu satu lapisan media surat khabar dan satu lapisan lagi media televisyen. Hasil daripada pemilihan secara rawak daripada populasi, suratkhbar yang dipilih sebagai sampel adalah *Berita Harian*. Sampel kajian yang terpilih untuk kategori televisyen pula ialah *TV3*. Peringkat kedua melibatkan editor Melayu yang bertugas di kedua-dua media yang telah dipilih. Semua editor ini mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih dalam lapisan masing-masing. Mereka telah dipilih secara rawak dan seramai lima orang editor dipilih dari akhbar *Berita Harian*, dan lima orang editor Unit Berita dan Hal Ehwal Semasa, *TV3*. Pemilihan ini dibuat berdasarkan peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh responden sebagai *gatekeepers* media yang mempunyai kaitan langsung dalam urusan perhubungan media dengan pengamal perhubungan awam di negara ini. Untuk memudahkan analisis data, setiap editor akan dinamakan sebagai BH1, BH2, BH3, BH4 dan BH5 bagi mewakili *Berita Harian*, manakala editor-editor *TV3* dinamakan TV3A, TV3B, TV3C, TV3D dan TV3E.

Semasa pemilihan sampel dilakukan akhbar *Berita Harian* mempunyai jumlah pembaca yang tinggi iaitu 1.368 juta pada tahun 2005 dan 1.592 juta tahun 2006 berbanding akhbar pesaing seperti *Utusan Malaysia* iaitu 1.277 juta pembaca (2005) dan 1.207 juta (2006) (*Media Guide Malaysia 2006; 2007*). Manakala *TV3* adalah stesen televisyen yang paling tinggi dari segi jumlah penonton iaitu dengan menguasai 46.5 peratus pada tahun 2005 dan 32.9 peratus tahun 2006 berbanding stesen televisyen lain seperti *RTM2* iaitu hanya 18.1 peratus (2005) dan 13.3 peratus (2006) serta *RTM1* yang menarik penonton sebanyak 13.3 peratus (2005) dan 9.5 peratus (2006) sahaja (*Media Guide Malaysia 2006;2007*).

## **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Hasil kajian menunjukkan semua editor Melayu yang ditemubual berpendapat persepsi memainkan peranan penting dalam hubungan editor dengan pengamal perhubungan awam. Persepsi positif editor terhadap pengamal perhubungan awam mungkin boleh membantu mereka untuk mempengaruhi hubungan dengan editor seterusnya, mencapai matlamat perhubungan media. Oleh sebab tugas dan peranan pengamal perhubungan awam di negara ini adalah mendapatkan liputan daripada media massa, maka mereka perlu membina persepsi positif editor terhadap mereka. Ini selaras dengan Shin dan Cameron (2003) yang berpendapat pengamal perhubungan awam perlu membuang salah tanggapan sebaliknya, memperbaiki pemahaman mereka terhadap wartawan. Antara reaksi responden adalah seperti berikut:

BH5: Pengamal perhubungan awam yang baik dengan ketua, yang baik dengan saya serta membantu pengamal media memainkan peranan penting.

BH4: Pandangan pertama saya tentang pengamal perhubungan awam ialah jika pengamal perhubungan awam didapati bekerja secara profesional, memberi kerjasama, mudah bagi saya untuk menjadikannya sebagai kawan. Saya suka berurusan dengan pengamal perhubungan awam yang profesional.

## **Bijaksana**

Hasil kajian menunjukkan 30 peratus responden mempunyai persepsi bahawa masih ramai pengamal perhubungan awam di negara ini kurang bijaksana dalam melaksanakan tugas mereka apabila berurusan dengan editor. Mereka terdiri daripada pengamal perhubungan awam yang baru bertugas dan kurang pengalaman.

BH2: Saya mempunyai persepsi bahawa pengamal perhubungan awam kurang bijaksana dalam melaksanakan tugas mereka apabila berurusan dengan editor.

BH5: Pada pandangan saya kebanyakan pengamal perhubungan awam terutama yang baru dalam dunia perhubungan awam kurang bijaksana dan kurang pengalaman. Cara bekerja juga kurang mahir. Ada yang hanya bergantung kepada nama syarikat yang memang telah terkenal di negara ini.

Terdapat 70 peratus responden berpendapat bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam didapati bijaksana dalam melaksanakan tugas perhubungan media dengan editor media massa.

TV3A: Pengamal perhubungan awam selalunya berusaha melakukan yang terbaik untuk organisasi yang diwakilinya. Boleh saya katakan bahawa majoriti mereka adalah bijaksana

BH4: Saya mempunyai persepsi bahawa majoriti pengamal perhubungan awam bijaksana dalam melaksanakan tugas mereka apabila berurusan dengan editor. Misalnya, ada pengamal perhubungan awam yang menulis semula daripada sudut pandangan lain yang tidak disiarkan oleh editor sebelum ini supaya boleh diterbitkan semula. Pada persepsi saya tindakan ini dianggap sebagai bijaksana.

TV3B: Pada pandangan saya pengamal perhubungan awam sememangnya perlu bijaksana apabila berurusan dengan pengamal media massa. Dengan kebijaksanaan itu, akan memudahkan berlakunya perhubungan media antara kedua belah pihak. Dalam perkaitan ini, saya mempunyai persepsi bahawa majoriti pengamal perhubungan awam adalah bijaksana dalam menjalankan tugas mereka.

Kajian menunjukkan persepsi yang positif diberikan kepada pengamal perhubungan awam yang berkhidmat dengan agensi perunding perhubungan awam yang lebih profesional. Perunding-perunding yang bertugas dengan agensi perhubungan awam dilihat bijaksana dalam urusan perhubungan media. Para responden menjelaskan:



BH1: Saya mengakui bahawa perunding-perunding yang bertugas dengan agensi perhubungan awam dilihat ada kebijaksanaan dalam menjalankan tugas mereka dalam urusan perhubungan media.”

TV3B: “...kebijaksanaan akan memudahkan berlaku perhubungan media antara kedua belah pihak”.

Keputusan ini menunjukkan mungkin terdapat pengamal perhubungan awam dalam organisasi kerajaan, badan berkanun, swasta dan NGO dilihat masih kurang bijaksana dalam urusan perhubungan media di negara ini berbanding perunding perhubungan awam. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang mempunyai persepsi bahawa terdapat usaha dalam kalangan pengamal perhubungan awam di negara ini untuk melakukan yang terbaik untuk organisasi yang diwakili dalam urusan perhubungan media.

TV3A: Pengamal perhubungan awam selalu berusaha melakukan yang terbaik untuk organisasi yang diwakilinya.

## **Jujur**

Responden turut ditanya tentang persepsi mereka terhadap sifat jujur pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan mereka. Hasil kajian menunjukkan 100 peratus responden mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam di Malaysia jujur dalam melaksanakan tugas perhubungan media. Walau bagaimanapun, responden mempunyai persepsi bahawa tahap kejujuran pengamal-pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan mereka adalah berbeza-beza.

TV3D: Saya juga mempunyai persepsi bahawa pengamal perhubungan yang jujur adalah sederhana sahaja. Ini kerana terdapat pengamal perhubungan awam yang bekerja secara tidak jujur. Keadaan ini terjadi semasa berlaku krisis atau masalah dalam organisasi mereka atau kepada klien mereka. Mereka cuba menyembunyikan sesuatu krisis atau masalah daripada pengetahuan pengamal media.

TV3C: Saya juga mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam di negara adalah jujur apabila berurusan dengan saya.

BH5: Berkaitan dengan persoalan kejujuran dalam tugas, saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang berinteraksi dengan pengamal media seperti saya bekerja secara jujur.

TV3A: Tidak semua yang boleh dikatakan jujur tapi kebanyakannya mahu menunjukkan bahawa mereka mempunyai sikap sedemikian. Pada persepsi saya, majoriti yang berurusan dengan saya adalah mereka yang jujur.

Responden berpendapat pengamal perhubungan awam perlu jujur apabila menjalankan tugas yang diamanahkan khususnya dalam menyampaikan informasi kepada pengamal media massa. Sebagai contoh, pengamal perhubungan awam perlu menyampaikan informasi yang betul dan tepat mengenai organisasi mereka kepada pengamal media massa terutama apabila berlaku krisis dalaman.

TV3B: Pada pandangan saya, semua orang perlu jujur apabila menjalankan tugas yang diamanahkan. Ini termasuklah pengamal perhubungan awam. Mereka perlu jujur dalam menyampaikan informasi kepada pengamal media massa.

Hal ini disebabkan, kajian Ryan dan Martinson (1991) menunjukkan sikap tidak berterus-terang pengamal perhubungan awam menyumbang kepada persepsi negatif wartawan terhadap mereka. Cutlip *et. al.* (2006) menambah sikap tidak jujur pengamal perhubungan awam akan mendorong wartawan mencari kebenaran melalui saluran lain. Contohnya, wartawan mungkin menghubungi staf dalaman untuk mendapat informasi yang sebenar mengenai sesuatu isu itu.

## **Dipercayai**

Dalam amalan perhubungan media pengamal perhubungan awam perlu menjadi sumber informasi yang boleh dipercayai oleh pengamal media



supaya bahan yang disalurkan kepada media massa tidak dipertikaikan oleh pembaca surat khabar, penonton televisyen atau pendengar radio. Dalam perkaitan ini, dapatan kajian menunjukkan 100 peratus responden mempunyai persepsi bahawa majoriti pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan mereka masih boleh dipercayai sebagai sumber informasi kepada media massa. Bahan yang diterima daripada pengamal perhubungan awam yang boleh dipercayai lebih mudah dijadikan bahan berita.

TV3E: Saya mempunyai persepsi bahawa secara majoriti pengamal perhubungan awam masih boleh dipercayai sebagai sumber informasi kepada saya.

BH5: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan mereka merupakan sumber informasi yang boleh dipercayai. Tetapi hanya sebelah pihak iaitu pihak yang diwakili mereka. Kami cuba dapatkan informasi dari pihak lain untuk menseimbangkan laporan berita.

TV3A: Kebanyakan informasi yang diperolehi editor, adalah boleh dipercayai. Kalau tidak pun mungkin hanya segelintir yang tidak boleh dipercayai. Di Malaysia, pengamal perhubungan awam masih mengamalkan amalan-amalan yang baik. Oleh itu, saya mempunyai persepsi bahawa mereka boleh dipercayai.

TV3B: Saya mendapati pengamal perhubungan awam yang berurusan dengannya selama ini boleh dipercayai. Ini bermakna, bahan yang diterima daripada pengamal perhubungan awam boleh dipercayai untuk dijadikan bahan berita. Maka, kebanyakan pengamal perhubungan awam boleh dipercayai sebagai sumber informasi kepada *TV3*.

Walau bagaimanapun, terdapat keraguan ke atas segelintir pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan editor. Mereka cuba memerangkap editor dengan menjanjikan bahawa acara yang mereka anjurkan mempunyai nilai berita. Perbuatan seumpama ini boleh menyebabkan pengamal media mempunyai persepsi bahawa pengamal

perhubungan awam adalah tidak boleh dipercayai. Contoh yang diberikan oleh Responden BH2 mengukuhkan persepsi negatif ini.

BH2: Mereka memaklumkan bahawa acara anjuran mereka itu akan dihadiri oleh menteri tertentu untuk menarik minat editor membuat liputan. Tetapi apa yang berlaku pihak menteri atau wakilnya tidak hadir pada acara tersebut.

Persepsi negatif terhadap pengamal perhubungan awam seperti yang diakui oleh Responden BH4 mungkin kerana mereka merupakan orang tengah antara organisasi yang diwakili dengan media massa. Kadangkala editor mendapati ada informasi yang disediakan tidak tepat. Sebagai contoh, pengamal perhubungan awam membekalkan jumlah pencapaian jualan yang lebih tinggi daripada angka sebenar supaya produk mereka kelihatan mendapat sambutan yang hebat daripada pelanggan.

BH4: Saya akui terdapat pengamal perhubungan awam yang tidak boleh dipercayai sebagai sumber informasi kepada *Berita Harian*. Hal ini kerana mereka merupakan orang tengah antara organisasi yang diwakili dengan *Berita Harian*. Kadangkala saya mendapati ada informasi yang disediakan dan diberikan kepada kami tidak tepat.

Dapatan ini menyokong kajian Aronoff (1975) yang menunjukkan wartawan melihat pengamal perhubungan awam rendah tahap kredibiliti sebagai sumber berita; Pincus *et al.* (1993) mendapati wujud kebimbangan wartawan terhadap kredibiliti sumber; dan Bobbitt dan Sullivan (2005) melihat pengamal perhubungan awam memberi jawapan tidak tepat dan tidak menyebarkan informasi sebenar.

## **Beretika**

Hasil kajian menunjukkan 100 responden mempunyai persepsi bahawa majoriti pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan pengamal media adalah beretika terutama semasa berurusan secara formal.

BH4: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan saya beretika

terutama semasa berurusan secara formal. Misalnya, mereka akan berasa bersalah dan memohon maaf kepada saya jika tidak dapat menepati masa temu janji yang telah diatur. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir yang tidak beretika apabila berurusan dengan saya.

BH2: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang berurusan dengannya beretika. Walau bagaimanapun, saya berpendapat pengamal perhubungan awam harus mematuhi etika yang digariskan dalam profesion mereka supaya nampak lebih profesional.

TV3D: Pada umumnya, saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam mengikut etika apabila berurusan dengan saya.

Walaupun bagaimanapun, responden mengakui bahawa terdapat segelintir yang tidak beretika apabila berurusan dengan pengamal media. Tindakan tidak beretika seumpama ini sering dilakukan oleh pengamal perhubungan awam organisasi swasta. Contohnya, mereka tidak mengakui kesilapan dan memohon maaf kepada editor jika tidak dapat melaksanakan temu janji yang telah diatur.

TV3C: Saya mengakui mereka adalah baik dari segi hubungan tetapi terdapat usaha untuk 'pusing sana dan pusing sini' bagi mendapatkan liputan media. Tindakan ini dilihat sebagai tidak beretika. Tindakan tidak beretika seumpama ini sering dilakukan oleh pengamal perhubungan awam organisasi swasta.

TV3B: Dalam soal etika, saya berpendapat pengamal perhubungan awam mesti beretika terutama apabila berurusan dengan pengamal media. Walau bagaimanapun, para pengamal perhubungan awam yang ada kepentingan peribadi belum tentu beretika apabila berurusan dengan pengamal media. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, misalnya ingin mendapat publisiti dalam media menyebabkan mereka terpaksa melakukan perkara yang tidak beretika.

Dapatan ini menyokong kajian Belz, Talbott dan Starck (1989) yang mendapati pengamal perhubungan awam sering berkompromi daripada segi etika, manakala Spicer (1993) mendapati wartawan mempunyai persepsi negatif terhadap pengamal perhubungan awam daripada segi amalan yang tidak profesional.

## **Baik**

Dapatan kajian menunjukkan semua responden mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang dikenali adalah mereka yang mempunyai sikap dan kelakuan yang baik.

BH1: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang dikenali adalah mereka yang mempunyai sikap dan kelakuan yang baik.

TV3E: Ya, saya mempunyai persepsi bahawa sebahagian besar pengamal perhubungan awam di negara adalah baik apabila berurusan dengan saya.

BH2: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang dikenali adalah mereka yang mempunyai sikap dan kelakuan yang baik serta tidak mendatangkan masalah dan konflik kepada saya dalam konteks perhubungan media.

BH4: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam yang dikenali adalah mereka yang mempunyai sikap dan kelakuan yang baik. Tetapi, mereka bersikap baik kerana saya adalah editor yang boleh memberi faedah kepada mereka dalam urusan publisiti untuk organisasi yang diwakili mereka.

Dalam konteks ini, hasil kajian adalah selari dengan penemuan Callison (2004) yang mendapati pengamal perhubungan awam diberi persepsi positif dari segi akhlak yang baik.

## Adil

Hasil kajian menunjukkan, 90 peratus responden mempunyai persepsi bahawa majoriti pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan mereka bersikap adil. Mereka bersikap adil dalam memberi informasi kepada media massa.

BH4: Saya mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam bersikap adil. Pengamal perhubungan awam yang tergolong sebagai sumber informasi yang tidak adil adalah kerana mereka tidak memberi informasi yang sama kepada semua media. Misalnya, ada pengamal perhubungan awam atau sumber berita memberi bahan kepada saya sahaja dan tidak kepada akhbar lain. Dalam dunia kewartawanan apa yang dikatakan sebagai skop (scoop) bahan berita adalah baik untuk kerjaya saya dan *Berita Harian* kerana dapat mendahului pesaing lain.

TV3A: Daripada keseluruhan informasi yang diterima, kebanyakan adalah dari sumber yang adil. Ini bermakna pada persepsi saya kebanyakan pengamal perhubungan awam adalah adil sebagai sumber informasi.

Sebaliknya, para responden mempunyai persepsi bahawa terdapat pengamal perhubungan awam yang lain bersikap tidak adil kerana mereka lebih berpihak kepada majikan masing-masing. Hal ini ditegaskan oleh Responden TV3C dan BH3 yang mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam di negara ini lebih memihak kepada organisasi yang diwakili mereka.

TV3C: Sebagai contoh, ada masalah perumahan antara pembeli dan pemaju. Pengamal perhubungan awam pihak pemaju akan mempertahankan majikannya walaupun masalah itu disebabkan oleh pemaju.

BH3: Saya mempunyai persepsi bahawa terdapat segelintir pengamal perhubungan awam yang menjadi sumber informasi yang kurang adil dan bias. Hal ini berlaku kerana mereka

terpaksa melindungi organisasi (majikan) atau klien mereka daripada mendedahkan cerita yang sebenar.

Dapatan ini menyokong hasil kajian Callison (2004) yang mendapati wujudnya persepsi negatif terhadap pengamal perhubungan awam dari segi sumber yang berat sebelah. Dalam konteks ini, pengamal perhubungan awam didapati adil kepada majikannya tetapi kurang adil kepada pembeli dan media kerana tidak memberi informasi yang tepat. Ini selaras dengan Belz, Talbott dan Starck (1989) yang mendapati pengamal perhubungan awam mempunyai agenda tersembunyi dan menyembunyikan informasi menyebabkan wartawan mempunyai persepsi negatif. Cultip *et. al.* (2006) menambah pengamal perhubungan awam menjadi penghalang kepada wartawan menjalankan tugas dengan melindungi majikan atau pemimpin mereka.

Dalam hubungan ini, responden berpendapat pengamal perhubungan awam perlu bersikap adil supaya dapat mengekalkan hubungan baik dengan editor untuk jangka masa panjang.

BH5: Pada pandangan saya majoriti pengamal perhubungan awam cuba bersikap adil bertujuan menjaga hubungan dengan pengamal media dalam jangka masa panjang. Mereka akan cuba memberi informasi kepada semua media.

TV3D: Terdapat keadaan di mana hanya *TV3* meminta sesuatu informasi susulan daripada sumber iaitu skop. Dari segi konsep keadilan sepatutnya informasi ini tidak boleh diberi kepada media massa lain. Tetapi, apa yang terjadi saya dapati sumber telah memberi bahan yang sama kepada media massa lain.

Responden juga berpendapat bahawa pengamal perhubungan awam harus memberi tumpuan kepada media tertentu supaya mendapat liputan yang lebih menyeluruh. Jika memberi kepada semua media, liputan yang diperolehi mungkin kecil sahaja. Sebagai contoh, pengamal perhubungan awam harus memberi bahan secara eksklusif kepada *TV3* untuk membuat laporan mengenai organisasi berbanding memberikannya kepada semua stesen televisyen.

BH1: Saya berpendapat bahawa pengamal perhubungan awam harus memberi tumpuan kepada media tertentu supaya mendapat liputan yang lebih menyeluruh. Jika memberi kepada semua media, liputan yang diperolehi mungkin kecil sahaja.

Oleh itu, pengamal-pengamal perhubungan awam yang belum mencapai tahap yang baik berkaitan ciri-ciri di atas harus berusaha meningkatkannya supaya dapat menghindari persepsi negatif editor media massa yang boleh menjejaskan amalan perhubungan media yang akan, sedang dan telah dibina oleh mereka. Hal ini diakui oleh semua editor yang ditemu bual yang berpendapat bahawa peranan pengamal perhubungan awam penting dalam konteks perhubungan media kerana mereka merupakan pemberi informasi berkaitan organisasi atau klien yang diwakili mereka. Pihak editor media massa tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mendapat informasi daripada pihak lain selain pengamal perhubungan awam yang dianggap sebagai sumber yang menghubungkan wartawan dengan organisasi.

## **Kesimpulan**

Kajian ini memperlihatkan bahawa persepsi editor Melayu terhadap pengamal perhubungan awam sangat penting dan boleh mempengaruhi amalan perhubungan media. Para editor media massa mengakui kebanyakan pengamal perhubungan awam yang berurusan dengan mereka adalah profesional. Para editor Melayu mempunyai persepsi bahawa kebanyakan pengamal perhubungan awam terdiri daripada mereka yang bijaksana dan jujur, boleh dipercayai sebagai sumber informasi, beretika semasa berurusan dengan editor, baik budi pekerti serta adil dalam menyebarkan informasi kepada media massa. Persepsi positif editor ini mungkin membantu meningkatkan amalan perhubungan media di Malaysia ke tahap yang cemerlang. Ini kerana ciri-ciri di atas perlu ada pada pengamal perhubungan awam bagi memperkukuhkan hubungan dua hala dengan para editor media massa.

## **Bibliografi**

Aronoff, C. 1975. Credibility of Public Relations for Journalists. *Public Relations Review*, 1, 45-56.



- Belz, A., Talbott, A.D. dan Starck, K. 1989. Using Role Theory to Study Cross Perceptions of Journalists and Public Relation Practitioners, dalam Grunig, J. E. dan Grunig, L.A. Suntingan. *Public Relations Research Annual*, 1, 125-139.
- Bobbitt, R dan Sullivan, R. 2005. *Developing the Public Relations Campaign: A Team-based Approach*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Brody, E.W. 1984. Antipathy Between PR, Journalism Exaggerated. *Public Relations Review*, 10, 11-15.
- Callison, C. 2004. The good, The Bad, and The Ugly: Perceptions of Public Relations Practitioners. *Journal of Public Relations Research*, 16(4).
- Cameron, G.T., Sallot, L.M. dan Curtin, P.A. 1997. Public Relations and The Production of News: Critical Review and Theoretical Framework. *Communication Year Book*, 20, 111-115.
- Cutlip, S.M., Center, A.H., dan Broom, G.M. 2006. *Effective Public Relations* (Edisi ke-9). New Jersey: Prentice Hall.
- Gandy, O.H., Jr. 1982. *Beyond Agenda Setting: Information Subsidies and Public Policy*. New Jersey: Ablex, Norwood.
- Giber, W. dan Johnson, W. 1961. The City Hall Beat: A Study of Reporter and Source Roles'. *Journalism Quarterly*, 38 (2), 289-297.
- Jeffers, D.W. 1977. Performance Expectations as a Measure of Relative Status of News and PR People. *Journalism Quarterly*, 54, 299-306.
- Kopenhaver, L.L., Martinson, D.L., dan Ryan, M. 1984. How Public Relations Practitioners and Editors in Florida View Each Other. *Journalism Quarterly*, 61, 860-865.
- Media Guide Malaysia*. 2006. Kuala Lumpur: Perception Media Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. 2007. Kuala Lumpur: Perception Media Sdn. Bhd.

- Pincus, J.D., Rimmer, T., Rayfield, R.E., dan Cropp, F. 1993. News Paper Editors Perceptions of Public Relation: How Business, News and Sports Editors Differ. *Journal of Public Relations Research*, 5 (1), 27-45.
- Pratt, C.B. 1991. An Empirical Research on Practitioner Ethics. *Journal of Business Ethics*, 10, 229-236.
- Ryan, M dan Martinson, D.L. 1988. Journalists and Public Relations Practitioners: Why The Antagonism? *Journalism Quarterly*, 65 (1).
- \_\_\_\_\_. 1991. How Journalists and Public Relations Practitioners Define Lying. *Paper presented at the annual meeting of the Association for Education in Journalism and Mass Communication*. Boston.
- Shin, J. H., dan Cameron, G.T. 2003. Informal Relations: A look at Personal Influence in Media Relations. *Journal of Communication Management*, 7 (3), 239-253.
- Shoemaker, P. dan Reese, S. 1991. *Mediating The Messages: Theories of Influence on Mass Media Content*. Longman: New York.
- Spicer, C.H. 1993. Images of Public Relations in The Print Media. *Journal of Public Relations Research*, 5 (1), 47-61.
- Stegall, S.K., dan Sanders, K.P. 1986. Coorientations of PR Practitioners and News Personnel in Educations News. *Journalism Quarterly*, 64, 341-347, 393.
- Wilcox, D.L, dan Cameron, G.T. 2006. *Public Relations: Strategies and Tactics* (Edisi ke-8). Boston: Pearson Education Inc.